

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	21 NOVEMBER 2016

Tun M permainkan pemimpin pembangkang

BH - 21/11/2016

[FOTO AZHAR RAMLI/BH]

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad berjaya memanipulasi perhimpunan haram Bersih 5 kelmarin, untuk faedah politiknya dalam usaha menjatuhkan kepemimpinan Datuk Seri Najib Razak.

Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaludin Abu Bakar, berkata Dr Mahathir sudah mempermainkan pemimpin pembangkang dan rakyat yang membencinya selama ini apabila Parti Bersatu Pribumi Malaysia (PBBM) pimpinannya 'merampas' pentas utama perhimpunan haram itu.

"Tahniah Dr Mahathir kerana berjaya jadikan Bersih sebagai kuda tunggangan platform politiknya dan saya lihat semua pemimpin pembangkang dipermainkan secara keseluruhan oleh Dr Mahathir.

Lebih canggih

"Mungkin seni politik Dr Mahathir lebih canggih daripada pemimpin pembangkang yang secara tidak sedar dan semua peserta Bersih yang selama ini menentang beliau dimainkan hidup-hidup oleh Dr Mahathir, kelmarin," katanya selepas merasmikan Konvensyen Anak Muda Bandar 2016 di sini, semalam.

Konvensyen disertai lebih 1,000

anak muda Wilayah Persekutuan itu dirasmikan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor, Tan Sri Noh Omar, berkata tindakan Dr Mahathir menyertai Bersih 5 kelmarin, membuktikan beliau sudah melupakan prinsip perjuangannya sebelum ini dan lebih mementingkan agenda peribadi.

"Sebagai pemimpin kita mesti ada prinsip perjuangan, jika marah seseorang pemimpin, jangan gadaikan maruah dan prinsip perjuangan tetapi kini Dr Mahathir sanggup menggadaikan perjuangan dan maruahnya," katanya.

Sementara itu, Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Sohaimi Shahadan berkata, Dr Mahathir sebelum ini tegas menolak demonstrasi haram, tetapi tunduk dengan pendiriannya angkara dendamnya terhadap Datuk Seri Najib Razak.

"Orang ramai perlu mengambil iktibar keadaan geopolitik di Mesir yang menyaksikan negara itu sehingga kini dibelenggu pertempuran dan ketidaktentuan kerana rusuhan untuk menumbangkan kerajaan," katanya.



Khairy Jamaluddin bersama Tengku Adnan (tiga dari kanan) dan Ketua Pemuda Umno Wilayah Persekutuan, Mohd Razlan Muhammad Rafli, (lima dari kiri) pada Majlis Konvensyen Anak Muda Bandar 2016 di Institut Latihan DBKL, Bandar Tun Razak.